

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERUTUSAN PERDANA MENTERI SEMPENA TAHUN BARU 1996

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1995

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya sekali lagi saya dapat menyampaikan Perutusan Tahun Baru kepada rakyat Malaysia. Sesungguhnya kita rakyat Malaysia bernasib baik kerana sepanjang tahun 1995 negara kita bukan sahaja aman dan stabil, dengan rakyat berbagai-bagai kaum hidup berharmoni, bahkan kita terus maju, makmur dan selamat. Malaysia juga bertuah kerana terus dijauhi daripada sebarang malapetaka besar dan kejadian yang tidak diingini.

2. Kadangkala kita "take for granted" atau lupa akan nasib kita yang sungguh baik ini kerana bagi kita kestabilan, kemajuan dan kemakmuran sudah menjadi perkara biasa. Hanya apabila kita lihat melalui televisyen atau akhbar gambar-gambar penderitaan rakyat di negara-negara lain, akibat peperangan atau mala petaka, baharulah kita sedar sedikit akan betapa baiknya nasib kita. Jika kita insaf tentulah kita akan banyak bersyukur kepada Tuhan. Mudah-mudahan dengan kita insaf dan bersyukur kita akan terus dirahmatinya dengan nikmat yang berterusan.

3. Tahun 1995 menyaksikan sekali lagi pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi negara. Pertumbuhan yang tinggi ini, yang diiringi dengan inflasi yang rendah, telah membolehkan rakyat terus menikmati taraf hidup yang meningkat. Ini dapat dilihat daripada pendapatan per kapita rakyat Malaysia yang telah meningkat kepada lebih RM9,900 atau US\$3,850 pada tahun ini. Daripada segi daya membeli pula, atau Purchasing Power Parity, pendapatan ini adalah lebih tinggi, iaitu sama dengan US\$8,800 di Amerika. Pertumbuhan yang tinggi ini juga telah membolehkan Kerajaan terus melaksanakan program-program pembangunan yang memberi faedah kepada negara dan rakyat keseluruhannya.

4. Perkembangan ekonomi negara adalah begitu pesat sehinggakan pada hari ini Malaysia menjadi negara pengeksport yang ke-13 terbesar di dunia. Pencapaian ini adalah sesuatu yang boleh kita banggakan memandangkan Malaysia adalah sebuah negara kecil yang mempunyai hanya seramai 19 juta penduduk. Struktur ekonomi negara juga sudah jauh berubah di mana pada hari ini hampir 80 peratus

daripada eksport kita adalah barangan buatan. Ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia juga mempunyai keupayaan dan kecekapan jika kita betul-betul menumpukan usaha kita terhadap penguasaan sesuatu bidang. Demikian kurniaan Tuhan, apabila manusia membuat sesuatu berulang kali dengan tekun dan rajin, tidak dapat tidak mereka akan menjadi lebih cekap sepanjang masa. Bahkan kecekapan itu akan menjadi sebahagian daripada budaya yang diwarisi oleh keturunan bangsanya. Tentulah kita tidak boleh ditakrif sebagai orang yang banyak bersyukur jika sifat ini yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak dimanfaatkan oleh kita.

5. Orang Melayu dan Bumiputera lain tidak kurang keupayaan mereka jika mereka sanggup menggunakan sifat kemanusiaan yang dikurniakan oleh Tuhan kepada mereka. Jika mereka gagal atau lemah, ianya bukanlah kerana Tuhan menjadikan mereka sedemikian, tetapi adalah kerana mereka tidak menghargai dan menggunakan kurniaan Tuhan. Yang cacat juga mempunyai kebolehan tertentu yang mungkin lebih daripada yang normal. Segala yang baik adalah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, segala yang buruk dan salah adalah daripada kita juga.

6. Dalam tahun 1995 kita telah mengadakan Pilihanraya Umum yang ke-sembilan. Pilihanraya ini telah diadakan dalam keadaan aman dan selamat, syukur Alhamdulillah. Majoriti terbesar daripada rakyat Malaysia telah memilih Barisan Nasional untuk terus membentuk Kerajaan dan memerintah.

7. Sebagai seorang daripada pemimpin Barisan Nasional, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada pengundi-pengundi yang telah mengambil bahagian dalam Pilihanraya ini dengan cara yang tertib dan baik. Demokrasi telah dapat diamalkan oleh negara ini tanpa gejala-gejala buruk yang sering mengiringinya seperti di kebanyakan negara lain. Ini adalah kerana rakyat Malaysia matang dan tahu had kebebasan dan tanggungjawab mereka. Sekali lagi kita harus bersyukur kerana demokrasi kita tidak menjadi satu gejala buruk kepada kita. Alhamdulillah.

8. Pada tahun 1996, kita akan mula melaksanakan Rancangan Malaysia Ke-Tujuh. Kita telah menjadikan negara kita negara industri pembuatan kerana hanya industri ini sahaja yang dapat mewujudkan peluang kerja yang cukup untuk rakyat Malaysia. Tetapi demikianlah kejayaan kita sehingga kita terpaksa mengambil pekerja asing untuk mengisi kekosongan yang terlalu banyak. Pada hari ini jumlah pekerja asing dengan atau tanpa izin ialah 1.2 juta.

9. Bukanlah niat kita untuk tidak mengongsi kemakmuran kita dengan orang lain. Tetapi jumlah pekerja asing dijangka akan meningkat kepada 2.3 juta pada tahun 2000 jika kita tidak mengambil langkah mengatasinya.

10. Kita boleh lewatkan pembangunan. Tetapi ini tidak akan mengatasi masalah kedatangan pekerja asing. Pilihan Kerajaan ialah untuk mengurangkan jenis industri yang

memerlukan banyak tenaga pekerja dan menggantikannya dengan industri bermodal besar dan berteknologi tinggi. Industri seperti ini boleh memberi pendapatan yang lebih kepada pekerja tanpa menaikkan kos pengeluaran dan menjejaskan daya saingan kita. Tetapi untuk mendapat pendapatan yang bertambah, pekerja mestilah sanggup dilatih semula dan menukar kerja, tanpa tindakan yang boleh merugikan majikan, negara dan pekerja sendiri.

11. Pekerja kita, jika sanggup dilatih, mampu membuat kerja yang lebih canggih yang memberi pendapatan yang lebih tinggi. Hasrat Kerajaan ialah supaya pekerja Malaysia dibayar gaji yang tinggi selaras dengan perkembangan ekonomi yang dihasilkan kerana sumbangan mereka.

12. Sebagai satu lagi pendekatan untuk mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing, Kerajaan merancang untuk mengambil pesara Kerajaan dan swasta serta suri rumah, melatih mereka di mana perlu dan mencari kerja yang sesuai bagi mereka sama ada sepenuh atau separuh masa. Dengan ini, rakyat Malaysia akan mempunyai pendapatan yang bertambah sementara kemiskinan akan dapat dikurangkan. Kita tidak mahu berlaku seperti kata pepatah, "itik di air mati kehausan, ayam di kepok mati kelaparan." Adalah tidak wajar rakyat Malaysia tidak berpeluang bekerja dan menambah pendapatan dalam negara yang begitu berkurangan pekerja sehingga terpaksa mengimpot pekerja asing.

13. Kerja adalah satu jenis ibadat dan kerja yang boleh menyelamatkan bangsa, agama dan negara tentulah menjadi ibadat yang penting. Kita tidak harus bekerja semata-mata untuk mendapat pendapatan yang bertambah. Kita harus sedar bahawa kerja yang kita buat boleh menolong mempertahankan negara kita. Jika orang Islam di negara ini bebas untuk beribadat dan tidak diburu dan dibunuh seperti yang berlaku di Bosnia, Chechnya dan Somalia dan ditindas seperti di beberapa negara maju, di mana orang Islam menjadi minoriti, sebabnya ialah kerana hasil usaha pembangunan ekonomi negara yang membebaskan kita daripada meminta-minta dan bergantung kepada kuasa-kuasa besar untuk menyelamatkan dan membiayai negara kita. Jika direnungkan, keadaan kita sekarang ada kaitan yang rapat dengan kesanggupan dan kemampuan kita bekerja dalam bidang yang lain daripada menanam padi, menoreh getah atau menangkap ikan.

14. Kita tidak dikehendaki bekerja sehingga melupakan ibadat untuk akhirat. Kedua-duanya boleh dibuat bersama. Di negara Islam yang miskin papa, ibadat untuk akhirat pun tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Demikian juga bagi orang Islam yang telah merantau ke negara lain kerana kemiskinan, kadang-kadang mereka bukan sahaja tidak dapat beribadat tetapi terpisah daripada agama mereka. Benarlah kemiskinan itu membawa kepada kekufuran.

15. Maju mundurnya sesuatu bangsa tidak bergantung kepada keturunan kaum atau warna kulit. Sebab itu ada bangsa Eropah yang amat mundur dan ada bangsa Asia yang termaju

sekali. Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada budaya bangsa itu. Dan budaya bukan sesuatu yang tetap dan tidak dapat diubah. Budaya berubah sepanjang masa dan boleh dicorak secara sengaja.

16. Setiap kaum di Malaysia boleh memupuk nilai-nilai yang baik dan mengamalkannya sehingga ia menjadi sebahagian daripada budaya kaum itu turun temurun. Hari ini pun budaya kaum-kaum di Malaysia, terutama Melayu dan Bumiputera lain, sudah berubah supaya lebih sesuai dengan keadaan di negara yang pesat membangun ini. Hanya sedikit sahaja lagi perubahan yang diperlukan untuk menjadikan budaya kita sesuai dengan kejayaan. Dan di antaranya ialah sikap terhadap bekerja kuat dan rajin. Insya-Allah jika semua rakyat sedar dan sanggup, suatu bangsa yang berbudaya mulia, yang berpegang kepada nilai-nilai keagamaan dan Islam yang tulen dan benar boleh dibentuk dan diwujudkan. Dengan ini akan kembalilah maruah agama dan bangsa kita.

17. Ada pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan pendekatan dan usaha Kerajaan. Kononnya kita tidak berjaya sebenarnya; kononnya kita terlalu taksub dengan kebendaan dan lupa akan kerohanian. Mereka ini, jika ikhlas dan jujur, tentu akan akui bahawa mereka juga menikmati banyak kebaikan hasil daripada usaha Kerajaan. Bahawa mereka bebas menegur dan mencela adalah kerana Kerajaan ini begitu toleran. Namun rakyat tidak harus dipesongkan oleh hasutan mereka supaya menggagalkan rancangan dan pendekatan Kerajaan. Janganlah kita mengikut orang yang tidak tahu bersyukur dengan nikmat yang mereka terima.

18. Demikian juga dengan hasutan dari luar negara. Mereka hanya berpura-pura bersimpati dengan nasib pekerja kita yang didakwa kononnya malang. Tetapi sebenarnya mereka ingin melihat kita gagal dan tidak terdaya menyaingi mereka.

19. Sebagai orang yang tahu bersyukur kita bukan sahaja tidak harus menidakkan kebaikan yang kita nikmati, tetapi sebagai bukti kesyukuran kita, kita haruslah memanfaatkan kebaikan yang kita terima. Jika dengan pemberian daripada manusia biasa sekalipun, kita tidak harus menghinakan pemberi dengan mencampakkan sahaja pemberiannya, apatah lagi pemberian daripada Tuhan. Tentulah kita tidak akan mensia-siakannya.

20. Sebagai tanda kesyukuran akan nikmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup di negara yang bertuah ini, tidak ada yang lebih baik daripada menggunakan hayat dan tenaga kita serta keamanan dan peluang untuk bekerja dan berusaha supaya kita akan dapat menikmati lebih banyak nikmat, di samping berdoa kepada Tuhan dan beramal ibadat.

21. Selaras dengan semangat Tahun Baru marilah kita semua mempertingkatkan azam untuk membawa negara kita ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Insya-Allah dengan usaha yang lebih gigih, dan disiplin yang tinggi serta dengan berpegang kepada nilai-nilai hidup yang murni, negara kita akan

mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun hadapan.

22. Akhir kata saya ucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 1996 kepada semua rakyat Malaysia. Semoga tahun 1996 akan merupakan satu lagi tahun yang cemerlang bagi kita semua.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmattullahi wabarakatuh.